

Untung Pracukai Yinson Bagi Tahun 2014 Meningkatkan Kepada RM80.36 Juta
Bernama
27 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Keuntungan pracukai Yinson Holdings Bhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Jan 2014 (FY14) meningkat kepada RM80.36 juta berbanding RM44.44 juta dalam tempoh yang sama pada 2013.

Perolehan meningkat kepada RM945.90 juta berbanding RM865.22 juta, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Yinson berkata keputusan yang baik itu adalah sumbangan hasil daripada kapal penyimpanan dan pemunggaan, PTSC Bien Dong 01, yang memulakan operasi pada suku ketiga FY14, serta daripada unit yang baru diambil alih, Yinson Production AS.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Lim Han Weng berkata selepas pengambilalihan Yinson Production, kumpulan ini yakin terhadap kedudukannya yang semakin meningkat dalam industri minyak dan gas.

Untuk masa akan datang, beliau berkata, kumpulan ini akan mengekalkan trajektori pertumbuhannya dan memanfaatkan peluang akan datang dalam industri berkenaan

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025518>